

Warga China mengaku tidak bersalah merogol rakan senegara di sebuah bilik rumah kedai

KUCHING: Seorang lelaki warga China berusia 53 tahun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol rakan senegaranya berusia 46 tahun, awal bulan ini.

Tertuduh membuat pengakuan tersebut di hadapan Hakim Iris Awen Jon sebaik didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membahaskan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh disabit, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 6.30 petang hingga 10.30 malam

pada 1 September 2026 di sebuah bilik rumah kedai di bangunan Premier 101 di Jalan Tun Jugah di sini.

Difahamkan, tertuduh dan wanita berkenaan saling mengenali serta merupakan rakan.

Mangsa membuat laporan polis berhubung kejadian rogol itu pada 4 September 2026.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng memohon agar tertuduh tidak dibenarkan diikat jamin memandangkan pertuduhan dihadapi tertuduh merupakan kesalahan yang tidak boleh dijamin.


Menurut Chuah, tertuduh merupakan warga China dan

terdapat risiko tinggi untuk tertuduh melarikan diri daripada prosiding sekiranya dibenarkan diikat jamin.

Beliau turut berhujah bahawa pertuduhan terhadap tertuduh adalah serius kerana membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan merupakan kesalahan berat seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 52B Kanun Keseksaan.

Sehubungan itu, mahkamah memerintahkan tertuduh di-reman sehingga kes tersebut selesai, dengan pengurusan kes ditetapkan pada 14 Oktober 2026.

Tertuduh diwakili peguam Voon Lee Shan.



DIDAKWA: Tertuduh (kanan, berbaju putih) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kuching semalam selepas sebutan kes.